

**Pakatan Cuba Menipu Rakyat Di Siang Hari - Muhyiddin  
Bernama  
2 Mei, 2013**

KUANTAN, 2 Mei (Bernama) -- Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata Pakatan Rakyat kini dilihat tidak berhenti-henti 'menipu rakyat di siang hari' menerusi pelbagai janji manis semata-mata mahu menang pada pilihan raya umum, Ahad ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata janji-janji dalam manifesto parti itu diwar-warkan dalam siri kempen mereka tanpa memikirkan kesan ekonomi kepada negara dan rakyat.

Hakikatnya Muhyiddin berkata mereka tidak mampu menunaikan janji mereka sebelum ini walaupun menang di beberapa buah negeri pada PRU 2008.

"Sepintas lalu (manifesto PR) dilihat elok, tapi mereka menipu rakyat di siang hari," katanya ketika berucap pada majlis Himpunan Rakyat 1Malaysia di Taman Tas, dekat sini Khamis.

Beliau berkata janji seperti hapuskan tol, kurangkan harga minyak, hapuskan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), menaikkan gaji minimum sebanyak RM1,200 dan pelbagai lagi, sememangnya enak didengar namun hakikatnya, akan memberi kesan buruk kepada ekonomi negara.

"Duit mana mereka hendak gunakan untuk semua itu? Petronas? Kalau ambil semua duit Petronas, akhirnya 'angsa emas' ini takkan bertelur lagi," katanya.

Beliau berkata sejak diberi mandat berterusan lebih 55 tahun lepas, kerajaan BN melaksanakan amanah untuk memastikan Malaysia terus maju, aman dan sejahtera.

"Sebab itulah 5 Mei ini, penentuan masa depan, pangkah parti dengan pertimbangan bijaksana, rasional, tidak beremosi dan jangan digagahi (dipaksa) mana-mana pihak, satu undi penentu masa depan. Kalau salah, gelaplah masa depan.

"Mereka (PR) kata 'kita ubah'... Tak payahlah, nak ubah kerana apa? Adakah Malaysia huru-hara? Rakyat miskin tak makan? Kerajaan tak beri peluang pekerjaan? Di Malaysia ini tak ada masalah, masalah makan lebih adalah, di Malaysia, banyak restoran 24jam dibuka. Jadi kita jangan terpedaya dengan manifesto mereka, insya-Allah kita akan tunaikan janji kita, simpan manifesto (BN), dan tuntutan janji itu nanti," katanya.

Sementara itu Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob meminta rakyat berfikir secara rasional sebelum membuat pilihan Ahad ini.

Beliau berkata PR kini dilihat semakin terdesak sehingga sanggup menabur pelbagai fitnah menghasut orang ramai, dan memburuk-burukkan kerajaan BN.

"Sampai ada slogan 'Mari Bersihkan Malaysia' macamlah Malaysia ini kotor sangat, adakah kita sekarang tak aman tenteram?"

"Negara kita masih ada kestabilan politik dan ekonomi dengan terbuhtinya Malaysia boleh capai pertumbuhan ekonomi 5.6 peratus tahun lepas," katanya.

Adnan berkata negara kini mempunyai pemimpin berkaliber dan mengapa perlu bertukar

kerajaan sekiranya sudah aman tenteram dan makmur dengan rakyat berbilang kaum.

"Tak puas hati memang ada, namun banyak yang baik daripada yang tak baik. Saya harap rakyat juga tidak terpesong hati tetapi sentiasa tetap dengan Barisan Nasional," katanya.

Turut hadir ialah calon BN bagi kerusi parlimen Paya Besar, Datuk Abdul Manan Ismail, calon BN bagi dewan undangan negeri (DUN) kawasan Sungai Lembing, Datuk Md Sohaimi Mohamed Shah, calon BN DUN Lepar, Mohd Shohaimi Jusoh, dan calon BN DUN Pancing Datuk Mohd Zaili Besar.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=946939>